



Terma & Syarat: Program Penukaran Baki Automatik BSN

bagi Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard

(Dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard)

Program Penukaran Baki Automatik BSN ("Program") disediakan kepada Pemegang Kad Kredit Bank Simpanan Nasional ("BSN") Al-Aiman Visa/Mastercard ("Pemegang Kad") yang memenuhi kriteria kelayakan seperti yang ditetapkan di sini. Melalui Program ini, baki tertunggak Pemegang Kad akan ditukarkan secara automatik kepada ansuran bulanan untuk 36 bulan.

Kelayakan

1. Program ini hanya terpakai untuk Pemegang Kad yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:
 - a. Warganegara: Malaysia;
 - b. Pendapatan bulanan tidak melebihi RM5,000 (mengikut pendapatan terkini Pemegang Kad dalam rekod BSN);
 - c. Nisbah purata pembayaran tidak melebihi 10% dalam tempoh 12 bulan yang lalu; (Nisbah pembayaran: jumlah pembayaran sepanjang 12 bulan yang lalu/jumlah baki penyata selama 12 bulan yang terakhir)
 - d. Baki minimum penyata tertunggak melebihi RM1,000; dan
 - e. Akaun kad BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Pemegang Kad ("Akaun") adalah terkini dan tidak bermasalah.
2. Kelayakan Pemegang Kad akan dinilai setiap tahun.
3. Setelah BSN menjalankan penilaian di atas dan jika Pemegang Kad didapati layak untuk didaftarkan dalam Program ini, BSN akan memaklumkan kepada Pemegang Kad bahawa BSN akan menggunakan Program ini dengan menukarkan baki tertunggak Pemegang Kad kepada pembiayaan bertempoh 3 tahun, dengan caj kewangan 13% setahun melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS");
4. Sekiranya BSN tidak menerima sebarang maklum balas dari Pemegang Kad yang menunjukkan keputusan Pemegang Kad untuk menarik diri daripada Program:
 - i. Pemegang Kad dianggap telah menerima untuk menjadi peserta dan bersetuju untuk didaftarkan ke dalam Program; dan
 - ii. BSN akan mendaftarkan Pemegang Kad secara automatik ke dalam Program yang akan berkuat kuasa pada bulan berikutnya.
5. Pemegang Kad yang layak boleh memilih keluar dari Program dengan menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di talian 1300 88 1900 dalam tempoh yang tertera di dalam SMS.

Amaun Penukaran Baki Automatik

6. Baki minimum penyata tertunggak ("Jumlah Penukaran Baki Automatik") untuk Program ini adalah Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) bagi setiap penukaran.
7. Setelah Program berkuat kuasa, Jumlah Penukaran Baki Automatik akan ditukar kepada pelan ansuran ("Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik") dalam tempoh pembayaran 36 bulan ("Tempoh Penukaran Baki Automatik") dengan yuran pengurusan pada kadar rata 7.1% setahun bersamaan dengan yuran pengurusan efektif 13% setahun ("Yuran Pengurusan Penukaran Baki Automatik").

Tempoh Bertenang Selepas Penukaran

8. Setelah penukaran berjaya, Pemegang Kad akan menerima SMS yang menyatakan Jumlah Penukaran Baki Automatik.

9. Pemegang Kad diberikan tempoh bertenang selama 30 hari (“Tempoh Bertenang”) yang hanya tersedia bagi penukaran kali pertama dalam Program ini di mana Pemegang Kad mempunyai pilihan berikut:
 - a. Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk membatalkan penukaran kali pertama dalam tempoh 30 hari Tempoh Bertenang, Jumlah Penukaran Baki Automatik akan dikembalikan semula ke dalam Akaun Pemegang Kad dan yuran pengurusan sedia ada akan dikenakan; atau
 - b. Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk membatalkan pelan ansuran selepas 30 hari Tempoh Bertenang, Pemegang Kad perlu membayar balik Jumlah Penukaran Baki Automatik sepenuhnya.
10. Untuk penukaran seterusnya, jika Pemegang Kad memilih untuk membatalkan pelan ansuran selepas penukaran berlaku, Pemegang Kad perlu membayar keseluruhan baki tertunggak sebelum membuat permohonan pembatalan.
11. Peruntukan di bawah Fasal 21 di bawah adalah terpakai bagi pembatalan yang berkuat kuasa di bawah Fasal 9 dan Fasal 10.

Akaun

12. Setelah Program bermula, Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik (meliputi bahagian prinsipal dan bahagian yuran pengurusan perlu dibayar semasa Tempoh Penukaran Baki Automatik) akan ditunjukkan dalam penyata Akaun Pemegang Kad.
13. Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik akan dibilkan ke Akaun Pemegang Kad pada tarikh penyata Akaun Pemegang Kad yang berikutnya.
14. Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik merupakan sebahagian daripada bayaran minimum yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad dan akan ditunjukkan dalam penyata Akaun Pemegang Kad. Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik perlu dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran.
15. Jumlah Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik adalah tetap. Sebarang pra-pembayaran atau lebihan bayaran tidak akan mengurangkan amaun prinsipal yang belum dijelaskan atau Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik yang berikutnya dan hanya akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan.
16. Jika Pemegang Kad gagal membayar Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik sepenuhnya selama dua (2) bulan berturut-turut, BSN berhak untuk menamatkan Program yang disediakan kepada Pemegang Kad secara automatik, di mana jumlah prinsipal bagi Penukaran Baki Automatik yang tertunggak bersama yuran pengurusan yang terpakai, caj pembayaran lewat dan baki kesemua wang lain yang perlu dibayar dan terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad hendaklah dibayar balik dengan serta-merta.

Had Kemudahan

17. Jumlah Penukaran Baki Automatik yang diluluskan adalah sebahagian daripada jumlah had kemudahan yang tersedia untuk semua Akaun Pemegang Kad, termasuk akaun kad kredit tambahan dan ia mengurangkan had kemudahan yang tersedia Pemegang Kad. Had kemudahan sedia ada akan dipulihkan secara progresif dan tersedia untuk digunakan dengan jumlah bahagian prinsipal bagi setiap Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik yang dibayar dan sehingga pembayaran sebenar diterima oleh BSN.

Yuran Pengurusan

18. BSN akan mengenakan yuran pengurusan ke atas baki tertunggak Pemegang Kad yang tidak dibayar selepas tarikh akhir pembayaran tertakluk kepada kadar yuran pengurusan yang ditetapkan dalam Penyata Pendedahan Produk Kad Kredit AI-Aiman BSN yang boleh diakses di laman web BSN (www.bsn.com.my). Yuran pengurusan akan dikira dari hari transaksi diposkan sehingga pembayaran penuh diterima dan dikreditkan dalam Akaun Pemegang Kad.

Ta'widh (Caj ganti rugi pembayaran lewat)

19. Sekiranya berlaku kelewatan dalam pembayaran apa-apa jumlah wang yang terhutang dan perlu dibayar kepada BSN iaitu Ansuran Bulanan Penukaran Automatik tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh akhir pembayaran, caj kewangan yang ditetapkan dan Ta'widh akan dikenakan mengikut terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard yang boleh didapati di laman web BSN (www.bsn.com.my).

Tiada Happy Points atau Rebat Tunai

20. Pemegang Kad tidak layak untuk sebarang BSN *Happy Points* atau rebat tunai berkenaan bagi penyertaan dalam Program ini.

Pembatalan dan Pembayaran Penuh

21. Sekiranya Pemegang Kad ingin membuat pembayaran penuh atau Program ini dibatalkan, keseluruhan baki Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik termasuk jumlah prinsipal yang tertunggak dan yuran pengurusan akan dicajkan ke atas Akaun Pemegang Kad. Semua Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik yang belum dijelaskan/tertunggak akan dipaparkan dalam penyata bulanan Akaun Pemegang Kad dan Pemegang Kad hendaklah membayar jumlah ansuran bulanan tersebut mengikut peruntukan Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard, sekiranya gagal, BSN layak untuk menggunakan haknya di bawah Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard. Pemegang Kad hendaklah dengan serta merta menyelesaikan semua baki yang perlu dibayar selepas pembatalan. Untuk membuat pembayaran penuh atau pembatalan bagi Jumlah Penukaran Baki Automatik sebelum tempoh matang, sila e-mel permohonan ke customercare@bsn.com.my atau hubungi Pusat Hubungan Pelanggan BSN di talian 1300 88 1900.

Hak BSN untuk Menamatkan

22. Tidak kira sama ada peristiwa kemungkiran telah berlaku, BSN berhak mengikut budi bicara mutlak pada bila-bila masa tanpa perlu memberikan apa-apa sebab kepada Pemegang Kad untuk menamatkan Program yang disediakan kepada Pemegang Kad di mana segala Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik yang belum dijelaskan/tertunggak akan menjadi patut dibayar atas tuntutan BSN ke atasnya. Semua Ansuran Bulanan Penukaran Baki Automatik yang belum dijelaskan/tertunggak akan ditunjukkan dalam penyata bulanan Akaun Pemegang Kad dan Pemegang Kad hendaklah melangsaikannya mengikut peruntukan yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard, di mana sekiranya gagal, BSN berhak untuk menggunakan haknya di bawah Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard.

Hak BSN untuk Membuat Keputusan

23. Keputusan BSN mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Program termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan dan / atau kelulusan Pemegang Kad dan / atau penolakan Program adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Kad dan tidak ada lagi surat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan BSN akan dilayan.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

24. Dengan menyertai Program ini, Pemegang Kad dianggap telah membaca dan memahami terma dan syarat Program yang dinyatakan di sini. Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard, yang mengawal peruntukan kemudahan kad kredit oleh BSN kepada Pemegang Kad. Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan Perjanjian Pemegang Kad Kredit

BSN Al-Aiman Visa/Mastercard, terma dan syarat ini hendaklah diterima pakai setakat mana ianya terpakai bagi Program ini.

25. Tertakluk kepada prinsip Shariah, BSN berhak untuk mengubah, menukar, meminda, memansuhkan atau menambah terma dan syarat ini dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya 21 hari sebelum pindaan tersebut dan akan berkuatkuasa pada tarikh yang dipilih oleh BSN. Mengikut budi bicara BSN, notis penambahan, pengubahsuaian atau pindaan itu boleh dilaksanakan melalui mana-mana salah satu cara komunikasi berikut:-
- i. melalui penghantaran notis tersebut kepada Pemegang Kad secara kurier atau serahan tangan;
 - ii. melalui penampalan notis dalam premis BSN atau cawangannya yang memaklumkan perubahan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
 - iii. melalui penerbitan tunggal di dalam satu atau lebih akhbar pilihan BSN berkenaan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
 - iv. memasukkan lampiran ke dalam Penyata Akaun akan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan;
 - v. melalui penghantaran notis berkenaan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan kepada Pemegang Kad melalui pos biasa atau berdaftar;
 - vi. melalui penghantaran notis akan pindaan tersebut dan tarikh pelaksanaan perubahan secara SMS atau mel elektronik kepada Pemegang Kad; atau
 - vii. mempamerkan notis akan pindaan tersebut dan tarikh kuatkuasa perubahan pada sesawang BSN (www.bsn.com.my).

Komunikasi kepada Pemegang Kad melalui salah satu cara komunikasi di atas adalah dianggap telah diterima oleh atau disampaikan kepada Pemegang Kad dan pada hari penghantaran di mana notis pindaan dihantar kepada Pemegang Kad melalui kurier atau serahan tangan pada hari penerimaan. Perubahan tersebut akan terpakai pada tarikh kuatkuasa yang ditentukan oleh BSN dan akan terpakai kepada semua Baki Tertunggak dalam Akaun Kad. Pengekalan atau penggunaan Kad selepas tarikh kuatkuasanya apa-apa perubahan terma-terma dan syarat-syarat akan dianggap sebagai penerimaan sepenuhnya perubahan tersebut tanpa ragu oleh Pemegang Kad.

26. Terma dan syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.
27. Semua ungkapan dalam terma dan syarat ini hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang tertera di dalam Perjanjian Pemegang Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard melainkan jika konteks memerlukan sebaliknya atau di mana ianya dinyatakan secara nyata dengan sebaliknya.

(versi 1/24)